



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kumpulan Pinjaman Pekebun (Pembubaran) 1981

DR.10/1981

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut, memindahmilik dan meletakkan semua harta dan tanggungannya kepada Bank Pertanian Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran) 1981 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Bank” ertinya Bank Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia 1969; Akta 9.

“Enakmen” ertinya Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun; N.M.B. Bab 131.

“harta” termasuk semua estet, kepentingan, gadaian, gadaian, isemen dan hak, sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang, dalam, terhadap atau daripada harta, dan perkara-perkara dalam tindakan;

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab mengenai kewangan.

Peman-
suhan dan
pem-
bubaran.

3. Enakmen adalah dimansuhkan dan Kumpulanwang adalah dibubarkan.

Pindah-
milik
kuasa, hak,
dll.

4. Semua kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan tanggungan yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini yang terletak pada Kumpulanwang hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, diturunkan kepada Bank.

Pindah-
milik
harta.

5. Semua harta alih dan takalih dan lain-lain aset yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini terletak pada Kumpulanwang hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dan tanpa apa-apa jua pindahhak, serahak atau pindahmilik, diletakhak kepada Bank yang sama di segi hakmilik, estet atau kepentingan dan pemegangan serta maksud-maksud dengan yang diletakhak atau dipegang sebelum sahaja berkuatkuasanya Akta ini.

Pemindahan
wang.

6. Semua wang yang ada dalam Kumpulanwang dan yang kena dibayar-masuk ke dalamnya hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, dipindahkan dan diletakhak kepada Bank.

Kontrak-
kontrak
yang
sedia ada.

7. Semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang dipindahmilik di bawah seksyen 5, hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau oleh Bank dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah Bank telah dinamakan dalamnya atau menjadi satu pihak kepadanya dan bukan Kumpulanwang atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kumpulanwang.

8. (1) Apa-apa proseding sivil atau alasan membuat tindakan yang menunggu keputusan atau sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap Kumpulanwang atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Bank yang mungkin diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kumpulanwang atau orang sedemikian itu seolah-olah Akta ini telah tidak diluluskan.

Penerusan
pem-
bicaraan
sivil.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohonkan pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini terhadap keputusan yang diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dalam mana-mana proseding undang-undang yang mana Kumpulanwang menjadi satu pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Bank.

9. Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah diambil kerja sebagai pegawai atau penjawat Kumpulanwang hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, ditawarkan untuk diambil kerja sebagai pegawai atau penjawat Bank, atas had dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada had dan syarat yang dinikmati oleh mereka sebagai pegawai dan penjawat Kumpulanwang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

Pegawai
dan
penjawat.

10. Jika timbul apa-apa kesulitan atau anomali berhubung dengan pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh dengan perintah membuat apa-apa kaedah atau peraturan sebagaimana didapati-nya perlu untuk menghapuskan atau mencegah kesulitan atau anomali itu.

Pencegahan
kesulitan
atau
anomali.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut dan memindah serta meletakkan semua harta, aset, tanggungan dan liabiliti Kumpulanwang kepada Bank Pertanian Malaysia.

2. *Fasal 1* membuat peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. *Fasal 3* bertujuan memansuhkan Enakmen dan membubarkan Kumpulanwang yang akan berkuatkuasa mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 4, 5 dan 6* bertujuan memindah dan meletakkan kepada Bank Pertanian Malaysia semua kuasa, hak, liabiliti, tugas, harta, aset dan wang Kumpulanwang apabila terbubarnya Kumpulanwang itu dan *Fasal 7* bertujuan memberi semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan yang dibuat atau dilaksanakan oleh Kumpulanwang, apabila terbubarnya Kumpulanwang itu, kuatkuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau oleh Bank Pertanian Malaysia. *Fasal 8* bertujuan mengekalkan semua prosiding sivil atau alasan membuat tindakan oleh atau terhadap Kumpulanwang yang sedia ada sebelum pembubaran Kumpulanwang itu dan membuat peruntukan baginya diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Bank Pertanian Malaysia selepas pembubaran Kumpulanwang itu.

4. *Fasal 9* bertujuan membuat peruntukan supaya semua pekerja dan pegawai Kumpulanwang diserapkan ke dalam perkhidmatan Bank Pertanian Malaysia atas had dan syarat yang tidak kurang baiknya daripada had dan syarat yang dinikmati oleh mereka semasa mereka berkhidmat dengan Kumpulanwang. *Fasal 10* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi menghapuskan apa-apa kesulitan atau anomali yang dihadapi hasil dari pelaksanaan Akta itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN (U²) 1060.]